

Kerajaan mahu teruskan projek bina ETS

ISKANDAR PUTERI – Kementerian Pengangkutan komited untuk meneruskan Projek Landasan Berkembar Elektrik (ETS) Gemas-Johor Bahru seperti yang telah dirancang sebelum ini. Menterinya, Anthony Loke Siew Fook berkata, projek yang melibatkan jajaran landasan sepanjang 192 kilometer (km) itu sudah dimulakan sejak 1 Disember 2016 kini hampir 20 peratus siap.

Katanya, pembangunan sistem pengangkutan di Johor membabitkan 11 stesen baharu melibatkan kos RM8.9 billion itu dijangkakan siap sepenuhnya pada 31 Oktober 2021. “Kerajaan komited untuk meneruskan projek ETS ini untuk memodenkan sistem pengangkutan menghubungkan Padang Besar, Perlis hingga ke sini. “Setakat ini, projek ini telah siap sebanyak 20 peratus,” katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan rasmi ke Pejabat Menteri Besar di sini semalam.

Menurut Siew Fook, Kementerian Pengangkutan juga telah meminta pihak kontraktor menyediakan kertas kerja melibatkan penambahan kos sekiranya stesen itu ditambah. Terdahulu, Siew Fook yang mendengar taklimat sistem e-Testing di Institut Memandu Berjaya di Johor Bahru dekat sini berkata, selain itu, kertas memorandum projek Sistem Rapid Transit (RTS) akan dibentangkan kepada Kabinet dalam tempoh terdekat.

SUMBER: KOSMO | M/S: 6 | 31 JULAI 2018